

Temui Dua Wajah Disebalik Suara Kami

Pembantu palajar kami - penggerak yang mendapatkan kadar respons yang tinggi untuk Panel Kehidupan Singapura. Tanpa rasa lelah, mereka mengingatkan dan menggalakkan responden untuk menghabiskan tinjauan setiap bulan. Mereka juga membantu dalam menghabiskan tinjauan bersama responden kami melalui telefon atau bertemu responden kami di lokasi yang berlainan di Singapura. Mereka juga menyediakan bantuan pentadbiran serta sokongan kakitangan di acara CREA. Di sini adalah dua daripada mereka - Jenny Lim dan Mohd Lukman.

"Responden itu datang ke SMU. Saya berhati-hati terhadapnya kerana dia kelihatan sangat garang. Apabila kami berbual, saya mendapati dia adalah seorang yang sangat baik. Dia bimbang tentang abangnya dan mahu membantu mengubah tingkah lakunya. Apa yang saya mampu lakukan adalah hanya menasihatinya untuk memberikan sokongan kepada abangnya."



Jenny Lim, seorang pelajar tahun kedua daripada Sekolah Perakaunan SMU, terjumpa e-mel dari CREA apabila dia sedang mencari pekerjaan supaya dapat menabung untuk program pertukaran.

Jenny telah bersama CREA selama enam bulan dan meluahkan masa sekitar 10-15 jam seminggu. Dia mendapatinya lebih mudah bergaul dengan orang yang

lebih tua dari rakan-rakannya. Dia berkata, "Orang yang lebih tua kurang rumit."

Pada hari pertamanya, dia berasa bimbang. Merasa sangat cemas, dia membuat panggilan kepada responden yang pertama. "Saya teragak-agak tetapi saya sedar kelak bahawa orang yang sedang bercakap itu sangat baik.". Dengan lebih banyak panggilan yang dibuat, Jenny semakin yakin dan pada hari ini, dia merupakan seseorang yang berpengalaman. Dan seperti beberapa responden yang berharap untuk mempunyai seseorang untuk bercakap, Jenny juga tidak sabar untuk datang ke CREA!

"Bila-bila sahaja kita ada masa untuk berinteraksi semasa waktu rehat makan tengah hari, kita sangat terjejas apabila kita mendengar tentang masa-masa sukar yang dihadapi oleh responden. Kami berharap perbualan bulanan kami dapat memberikan sesuatu yang boleh mereka harapkan."

Mohd Lukman adalah seorang pembantu pelajar "perintis" bersama CREA. Dia bermula pada 1 April 2015 dan adalah salahseorangdaripadamereka yang harus menghubungi dengan responden yang tidak menjawab surat yang telah CREA hantar. "Kami bekerja daripada pukul 9 hingga 5. Kami tidak menyedari pada masa itu tetapi berjalan dari satu alamat ke alamat yang lain, tidaklah semudah apa yang dilihat di atas kertas."



Lukman mengetuk pintu selama tiga minggu dan telah menerima pekerjaan itu kerana dia ingin mendapat wang tambahan untuk program pertukaran di Rouen, Perancis. Lukman menamatkan pertukarannya di dalam bulan Januari tahun ini dan melihatnya sebagai "masa yang sangat mengagumkan di dalam hidup saya!". Dia telah mengambil bahasa Perancis sebagai bahasa ketiga dan gembira dia dapat bertuturnya.

Mahasiswa tahun terakhir Sekolah Ekonomi akan menamatkan pengajiannya di dalam bulan April 2018 dan apabila itu berlaku, dia akan menghabiskan masa tiga tahun bersama CREA. Dia telah meluahkan masa kira-kira 15 jam setiap minggu.

Menggambarkan dirinya sebagai seorang yang "pemalu", Lukman mendapati sangat mudah untuk berbual menerusi telefon bersama. "Saya gembira saya telah mendapat peluang dan penghormatan untuk berbual dengan responden yang biasanya lebih dari dua kali ganda usia saya. Bagaimanapun, mereka tidak berbual kepada saya seperti saya seseorang yang lebih muda dan sanggup berkongsi bersama saya aspek-aspek peribadi dan rahsia kehidupan mereka. Mereka diberi jaminan, saya tidak akan mengkhianati kepercayaan mereka. Saya akan sentiasa mengingati masa saya bersama CREA sebagai sukatan pelajaran di Universiti Pengurusan Singapura dimana saya tidak diberikan markah tetapi mendapat pendidikan yang tidak boleh dibeli dengan wang!"

Perbelanjaan di dalam Panel Berkenaan Kehidupan di Singapura

Kategori Perbelanjaan Teratas

Responden kami giat melaporkan perbelanjaan mereka di sekitar 44 kategori terperinci setiap bulan. Sainstis data di dalam pasukan CREA telah menganalisa berapa banyak dari bajet yang dibelanjakan oleh setiap keluarga di dalam setiap satu kategori.

Kami mendapati barangan harian meliputi bahagian terbesar di dalam perbelanjaan keluarga - pada purata sebanyak 11% di dalam perbelanjaan keseluruhan. Diikuti dengan bayaran gadai janji rumah. Di dalam tempat ketiga adalah melancong & bercuti - Warga Singapura memang suka melancong!



Melancong

Sekarang kami mempunyai respons sepenuhnya bagi tahun 2017, kami boleh menilai bagaimana responden menyesuaikan perbelanjaan mereka sepanjang tahun. Perbelanjaan bagi pakej melancong dan bercuti tidak menentu sepanjang tahun, memuncak sebanyak 15% di dalam bajet keluarga di dalam bulan Disember apabila individu menggunakan bonus tahunan mereka untuk bercuti ke luar negara.



Hadiah Tunai & Derma



Hadiah tunai kepada rakan-rakan dan keluarga berganda di sekitar **Tahun Baru Cina** jika dibandingkan dengan bulan biasa.

Begitu juga, derma amal berganda di kalangan responden yang meraikan **Hari Raya Puasa**.



Hadiah tunai meningkat sekitar separuh pada kedua-dua **Hari Raya Puasa** dan **Deepavali**.

Tempat Pertemuan

Sekiranya anda ingin melengkapkan tinjauan dengan bantuan para pelajar pembantu kami, anda boleh mengunjungi lokasi-lokasi berikut. Untuk mengetahui tarikh dan masa bagi temu janji, sila hubungi Pusat Hotline kami.

Bishan

Mind Stretcher, 510 Bishan Street 13
#03-01 Singapore 570510

Bukit Merah

Recovery Accountants, 164 Bukit Merah Central
#03-3655, Singapore 150164

Jurong East

Regus Business Lounge, 21 Jurong East Central 1
Jurong Regional Library Level 1, Singapore 609732

Tampines

NTUC Income Building, 300 Tampines Avenue 5
Level 9 Tampines Junction, Singapore 529653

Sembawang

Just Edu Learning Centre, 30 Sembawang Drive
#04-04 Sun Plaza, Singapore 757713

Tarikh Tinjauan

- **Tinjauan April:** 1 - 22 April 2018
- **Tinjauan Mei:** 1 - 20 May 2018
- **Tinjauan Juni:** 1 - 24 Jun 2018

Kerahsiaan dan Privasi Anda

Kami menganggap maklumat yang telah anda sediakan kepada kami dengan penuh kerahsiaan dan ini sejajar dengan pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 (PDA), di bawah undang-undang Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi Singapura.

Hubungi Kami

Jika anda telah menukar alamat atau nombor telefon, jika anda perlukan sebarang bentuk bantuan dalam melengkapkan tinjauan, atau jika anda mempunyai sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Hotline **6808 7910** (9pg hingga 5ptg, Isnin hingga Jumaat) atau melalui emel di slp@smu.edu.sg. Kami sentiasa bersedia mendengar dari anda.